

01/04/1997

Dr Mahathir berjaya ubah jiwa Malaysia: Anwar

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanggungjawab membuat lonjakan baru dan melancarkan gerakan islah yang mengubah rupa serta jiwa Malaysia, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ketiga-tiga Perdana Menteri yang terdahulu meletakkan asas pembangunan dan perpaduan yang kukuh bagi menyediakan rakyat dan negara ini memasuki era Dr Mahathir.

Anwar menyifatkan era kepemimpinan Dr Mahathir sekarang menyebabkan dunia menyaksikan perubahan luar biasa pada Malaysia sejak satu dekad lalu.

"Pembinaan negara dan pembangunan manusia sejak zaman berzaman adalah berteraskan gabungan antara wawasan dan daya bekerja. Wawasan tanpa daya bekerja akan tinggal menjadi khayalan dan igauan sahaja.

"Malaysia dan rakyatnya sangat bertuah kerana dianugerahkan Allah pemimpin yang pada setiap tahap pembangunan mempunyai wawasan dan memiliki ketekunan bekerja.

"Dr Mahathir adalah pemimpin yang menampilkan gabungan par excellence (kecermerlangan unggul) kedua-dua unsur itu," katanya berucap di majlis meraikan Perdana Menteri sempena penerimaan Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Jawaharlal Nehru di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, negara mendapat penghormatan yang bermakna daripada dunia ketika negara akan menjejaki alaf baru.

Menurutnya, ia seharusnya memberikan rangsangan yang menggoncang seluruh fizikal dan mental untuk membuat lonjakan ke hadapan dengan lebih hebat.

"Adalah menjadi tanggungjawab dan cetusan hati nurani kita sebagai rakyat untuk bergerak sederap dengan pemimpin kita untuk menjayakan wawasan dan idealisme beliau," katanya.

Anwar juga berkata, anugerah antarabangsa yang diterima oleh Perdana Menteri membuktikan beliau bukan sekadar pemimpin Malaysia malah seorang pahlawan dunia Islam, juru bicara dunia ketiga dan negarawan dunia.

Beliau turut membacakan dua pantun yang memuji kepemimpinan Dr Mahathir dan jasanya kepada negara.

(END)